

D847

U B285 DEB

UMNO - BN

KUALA LUMPUR, 27 SEPT. (BERNAMA) -- KEINGINAN UMNO BEKERJASAMA DENGAN MASYARAKAT CINA JANGANLAH DIGUNAKAN SEBAGAI ALAT POLITIK PERIBADI SESIAPA, KATA PRESIDENNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA WAKIL MASYARAKAT CINA DALAM KERAJAAN HENDAKLAH TERDIRI DARIPADA ORANG YANG IKHLAS DAN JUJUR, BUKAN ORANG YANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI.

MASYARAKAT CINA DI MALAYSIA ADALAH KEDUA BESARNYA SELEPAS MASYARAKAT MELAYU. UMNO INGIN MELIHAT MASYARAKAT CINA DIWAKILI DALAM KERAJAAN TETAPI DUA PERKARA BERKENAAN MESTILAH DIAMBIL PERHATIAN, TEGASNYA.

SEMASA MENYAMPAIKAN UCAPAN DASARNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 UMNO DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA UMNO TIDAK BERNIAT HENDAK CAMPUR TANGAN DALAM MASALAH RUMAH TANGGA PARTI LAIN DALAM BARISAN NASIONAL.

+TETAPI UMNO SEBAGAI ANGGOTA BN TIDAK SANGGUP KEWIBAWAAN BN TERJEJAS KERANA KEPENTINGAN SESUATU PARTI KOMPONEN ATAU ORANG-ORANG TERTENTU. DAN UMNO TIDAK SANGGUP DITOHMAH OLEH MEREKA YANG SUDAH KEHILANGAN KUASA, + TEGASNYA YANG DISAMBUT OLEH TEPUKAN GEMURUH PARA PERWAKILAN. -- LAGI.

1428MST 27 09 85

UMNO - BN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA PARA PEMIMPIN MESTILAH SANGGUP TUNDUK KEPADA KEPUTUSAN RAMAI DAN TIDAK HARUS Mencari isu semata-mata untuk kepentingan diri serta tidak boleh mempermain-mainkan aturan-aturan supaya kedudukannya dalam parti dikekalkan.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA UMNO MENEMERIMA KENYATAAN MALAYSIA NEGARA BERBILANG KAUM DAN OLEH ITU SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN SEMUA KAUM ASALKAN PERJUANGAN MEREKA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN NEGARA DAN UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BIASANYA PARTI-PARTI KOMPONEN BN TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM MASALAH RUMAH TANGGA PARTI MASING-MASING TETAPI KEPENTINGAN BN LEBIH UTAMA DARIPADA KEPENTINGAN SESUATU KOMPONEN.

JIKA PERISTIWA DALAM PARTI KOMPONEN BUKAN SAHAJA MEROSAKKAN DIRINYA SENDIRI TETAPI JUGA BN, MAKA BN TIDAK DAPAT BERDIAM DIRI, KATANYA LAGI.

BELIAU BERKATA NAMUN DEMIKIAN BN AMAT BERHATI-HATI DALAM MENGAMBIL TINDAKAN DAN MASA YANG CUKUP DIBERI UNTUK SESUATU PARTI MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA. -- LAGI.

1431MST 27 09 85

UMNO - BN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO AMAT KECEWA APABILA USAHA BN UNTUK MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH SEBELUM PILIHANRAYA TELAH SENGAJA DIPUTARBELITKAN OLEH GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU.

MEREKA MENGATAKAN BAHAWA UMNO TELAH CAMPUR TANGAN DALAM PEMILIHAN PARA PEMIMPIN BAGI SESEBUAH PARTI KOMPONEN DENGAN TUJUAN MENIMBULKAN PERASAAN PERKAUMAN YANG BOLEH MEMPOPULARKAN PIHAK-PIHAK TERTENTU.

+YANG ANEHNYA IALAH MEREKA JUGALAH ORANG YANG SAMA DAHULUNYA SERING MEMINTA PERTOLONGAN SUPAYA DIBERHENTIKAN ORANG-ORANG TERTENTU DARIPADA PARTI ITU DALAM KERAJAAN, ATAU MENGAMBIL BALIK MEREKA KE DALAM KERAJAAN.+

MENGENAI POLITIK WANG, BELIAU BERKATA KEUPAYAAN ANGGOTA UMNO MEMBANTERAS GEJALA ITU DAN MEMELIHARA PERPADUAN PARTI MERUPAKAN SATU UJIAN KEPADA KEMAMPUAN ORANG MELAYU MENGENDALIKAN SEBUAH PENTADBIRAN YANG LEBIH BESAR.

PRESIDEN UMNO ITU MENGINGATKAN BAHAWA SEJARAH MEMBUKTIKAN HANYA BANGSA YANG MAMPU MENTADBIR BILANGAN MANUSIA YANG SEMAKIN RAMAI SAHAJA DAPAT MENEGAKKAN NEGARA YANG LEBIH BESAR DAN KUAT. -- LAGI.  
1435MST 27 09 85

BANGSA YANG TIDAK MAMPU BERBUAT DEMIKIAN AKAN BERPECAH-PECAH MENJADI NEGERI-NEGERI KECIL SEPERTI YANG BERLAKU DALAM ALAM MELAYU DI ASIA TENGGARA DAHULU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA SEPERTI MANA AKIBAT REBUTAN TAKHTA NEGERI-NEGERI MELAYU OLEH KERABAT DIRAJA MELAYU DULU MENGAKIBATKAN ORANG MELAYU DIJAJAH LEBIH 400 TAHUN, REBUTAN KUASA DALAM UMNO DAN PECAH-BELAH DI KALANGAN ANGGOTA KERANA POLITIK WANG ADALAH SAMA BURUK KESANNYA.

+NASIB ORANG-ORANG MELAYU DAN AGAMA ISLAM AKAN MENJADI AMAT BURUK JIKA UMNO HANCUR. UMNO TIDAK AKAN HANCUR KERANA SERANGAN MUSUH TETAPI IA BOLEH HANCUR KERANA PECAH BELAH DI DALAM PARTI, KERANA SENGGKETA DI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTANYA,+ KATA BELIAU.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA AMALAN POLITIK WANG BUKAN SAHAJA MEMBABITKAN ANGGOTA-ANGGOTA BARU YANG MAHUKAN TEMPAT SETELAH MENJADI KAYA TETAPI JUGA DILAKUKAN OLEH ORANG LAMA YANG MENGENEPIKAN PRINSIP PERJUANGAN KERANA TAKUT KEHILANGAN TEMPAT.

OLEH ITU KATANYA UMNO TERPAKSA MEMINDA UNDANG-UNDANG TUBUHNYA BAGI MENGADAKAN SEKATAN LEBIH BERKESAN TERHADAP PENYELEWENGAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA DAN PARA PEMIMPIN PARTI. -- LAGI.  
1438MST 27 09 85

UMNO -BN 5 KUALA LUMPUR

UNDANG-UNDANG ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, AKAN MENAMBAH KUASA BADAN-BADAN PENYELARASAN PARTI MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH TANPA DISEKAT OLEH PERINTAH MAHKAMAH YANG SUDAH MENJADI ADAT KEPADA BEBERAPA ORANG ANGGOTA YANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI.

BELIAU BERKATA TUJUAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENGAWAL ANGGOTA-ANGGOTA PARTI YANG MENJADI DURI DALAM DAGING SAHAJA TETAPI JIKA MAJORITI ANGGOTA PARTI BERKELAKUAN BURUK DAN TIDAK MEMATUHI PERATURAN, PINDAAN PERLEMBAGAAN TIDAK MEMBAWA APA-APA KESAN DALAM MELIHARA PARTI.

BELIAU BERHARAP UNDANG-UNDANG YANG AKAN DILULUSKAN OLEH PERHIMPUNAN AGUNG KHAS PARTI PADA HARI AHAD INI TIDAK AKAN KERAP DIGUNAKAN KERANA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI BOLEH MENGAWAL NAFSU DAN BERTINDAK SEBAGAI SATU BANGSA YANG BERMARUAH DAN BERSOPAN. - BERNAMA.  
1442MST 27 09 85